



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH
Blok A, Tingkat 8 - 11,
Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS:

Tarikh :

100-4/10 Jld.9 (34)

17 Julai 2026

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil
Semua Bendahari Cawangan

Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL.4/2026
PELAKSANAAN REGISTERED ENTITY DATABASE (R.E.D.) DAN APLIKASI
RED-OS KERAJAAN NEGERI SABAH

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan **Registered Entity Database (R.E.D.)** sebagai sebahagian daripada inisiatif transformasi digital Kerajaan Negeri Sabah.
- 1.2 Pekeliling ini turut menjelaskan pelaksanaan fasa pertama aplikasi tersebut serta mendapatkan kerjasama semua Kementerian, Jabatan, Pejabat Daerah, Pejabat Daerah Kecil, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar, teratur dan berkesan.

...2/-

“SABAH MAJU JAYA”



2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri Sabah komited memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam melalui pendigitalan yang meningkatkan kecekapan, integriti data dan pengalaman pengguna.
- 2.2 R.E.D. merupakan platform pengurusan identiti pelanggan bersepadu yang menjadi sumber rujukan tunggal bagi maklumat pelanggan yang berurusan dengan Kerajaan Negeri Sabah, khususnya bagi perkhidmatan kewangan dan perakaunan.
- 2.3 Melalui R.E.D., maklumat pelanggan diselenggara secara berpusat, konsisten dan berautoriti. Pendekatan ini dapat mengurangkan pertindihan data, meningkatkan ketepatan maklumat serta memperkukuh tadbir urus data merentas sistem dan perkhidmatan kerajaan.
- 2.4 Bagi menyokong pelaksanaan R.E.D., aplikasi **R.E.D.-OS** diperkenalkan sebagai portal pelanggan yang menyediakan akses kepada pelbagai perkhidmatan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri Sabah.
- 2.5 R.E.D. merupakan platform asas kepada pelaksanaan identiti pelanggan bersepadu Kerajaan Negeri Sabah dan akan diperluaskan secara berperingkat sebagai rujukan utama bagi pelbagai perkhidmatan kerajaan pada masa hadapan.

3. PELAKSANAAN FASA PERTAMA

- 3.1 Fasa pertama pelaksanaan melibatkan pengaktifan kategori pelanggan **R.E.D.:GOV**.
- 3.2 Kategori **R.E.D.:GOV** meliputi pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri Sabah yang memenuhi syarat berikut:
 - a) masih dalam perkhidmatan;
 - b) mempunyai alamat emel rasmi **@sabah.gov.my**; dan
 - c) menerima gaji melalui Sistem Penggajian Kerajaan Negeri Sabah.

...3/-

“SABAH MAJU JAYA”

- 3.3 Pelaksanaan **R.E.D.:GOV** merupakan langkah pertama dalam pelaksanaan R.E.D. secara berfasa. Kategori pelanggan lain seperti pembekal berdaftar, pertubuhan dan pelanggan perkhidmatan kerajaan akan diperkenalkan secara berperingkat.

4. PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN MELALUI R.E.D-OS

- 4.1 Pada fasa pertama, pengguna **R.E.D.:GOV** boleh mengakses perkhidmatan berikut:
- a) Semakan Status Bayaran;
 - b) Slip Gaji;
 - c) Penyata Cukai Pendapatan; dan
 - d) Pengesahan Nama dan Akaun Bank (JBN.55).
- 4.2 Perkhidmatan tambahan seperti tuntutan, pinjaman dan modul lain akan diperkenalkan secara berperingkat mengikut keperluan dan ketersediaan.

5. MANFAAT PELAKSANAAN

- 5.1 Pelaksanaan R.E.D. dijangka memberi manfaat berikut:
- a) meningkatkan ketepatan dan integriti data pelanggan;
 - b) mengurangkan pertindihan maklumat antara sistem;
 - c) memperkukuh tadbir urus serta pengurusan data;
 - d) memudahkan akses kepada pelbagai perkhidmatan kewangan dan perakaunan; dan
 - e) meningkatkan kecekapan serta kualiti penyampaian perkhidmatan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri Sabah.

...4/-

“SABAH MAJU JAYA”

6. PENGAKTIFAN PROFIL R.E.D.

- 6.1 Semua pegawai dan kakitangan yang memenuhi syarat **R.E.D.:GOV** hendaklah mengaktifkan profil masing-masing sebelum menggunakan perkhidmatan yang disediakan melalui R.E.D.-OS.
- 6.2 Pengaktifan profil hanya perlu dilakukan sekali bagi tujuan pengesahan identiti dan pewujudan rekod pelanggan yang sah dalam R.E.D.
- 6.3 Proses pengaktifan adalah seperti berikut:
 - a) layari aplikasi R.E.D.-OS di <https://red-os.sabah.gov.my>;
 - b) log masuk menggunakan **SabahGov SSO** dengan nama dan katalaluan emel rasmi **@sabah.gov.my**;
 - c) lengkapkan maklumat profil yang diperlukan;
 - d) sistem akan membuat semakan; dan
 - e) profil akan diaktifkan setelah identiti pengguna berjaya disahkan.

7. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 7.1 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua pegawai dan kakitangan yang layak di bawah seliaan masing-masing mengaktifkan profil R.E.D. dalam tempoh yang ditetapkan.
- 7.2 Pegawai Pengawal juga hendaklah memastikan semua pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing memberikan kerjasama penuh bagi menjayakan pelaksanaan inisiatif ini.
- 7.3 Kejayaan pelaksanaan R.E.D. bergantung kepada komitmen semua agensi dalam memastikan proses pengaktifan profil diselesaikan dengan segera dan penggunaan aplikasi dilaksanakan secara menyeluruh.
- 7.4 Pegawai Pengawal hendaklah memantau status pengaktifan profil R.E.D. di agensi masing-masing dan memastikan semua pegawai serta kakitangan yang layak melengkapkan proses pengaktifan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah.

...5/-

“SABAH MAJU JAYA”

8. PERTANYAAN

- 8.1 Sebarang pertanyaan atau bantuan berkaitan pelaksanaan, pengaktifan profil atau penggunaan sistem boleh dirujuk kepada:

Accounting Control Centre (ACC)
Jabatan Bendahari Negeri Sabah

Telefon : 088-368811

Emel: hello.acc@sabah.gov.my

9. PELAN PELAKSANAAN

- 9.1 Jabatan Bendahari Negeri Sabah akan mengadakan sesi libat urus dan program kesedaran (*Awareness Session*) kepada semua Kementerian, Jabatan, Pejabat Daerah, Pejabat Daerah Kecil, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri bagi memperkenalkan aplikasi R.E.D.
- 9.2 Selain itu, Pasukan R.E.D. Jabatan Bendahari Negeri Sabah akan mengadakan lawatan ke setiap agensi bagi memberi penerangan yang lebih terperinci mengenai pelaksanaan, proses pengaktifan profil serta penggunaan aplikasi R.E.D.-OS.

Sekian, harap maklum.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MARY ANGELA SIPAUN, C.A.(M), FCPA (Aust.), CPFA, ASEAN CPA)
Bendahari Negeri

AG/DMAS/ag

s.k Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
88400 KOTA KINABALU.

“SABAH MAJU JAYA”



Manual Pengguna Pengenalan kepada Aplikasi RED-OS

Sasaran Pengguna

RED:APN Ahli Pentadbiran Negeri

RED:GOV Kakitangan Awam

Kerajaan Negeri Sabah



Accounting Control Centre
Jabatan Bendahari Negeri Sabah

Jul 10, 2026

1. Pengenalan

R.E.D.

Registered Entity Database (R.E.D.) merupakan platform induk Kerajaan Negeri Sabah yang dibangunkan oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah, yang berfungsi sebagai sumber rujukan tunggal (*Single Source of Truth*) bagi pengurusan identiti pengguna, khususnya pelanggan perkhidmatan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri Sabah.

R.E.D. menyediakan pangkalan data berpusat yang membolehkan maklumat identiti pengguna diselenggara secara sistematik bagi memastikan data yang tepat, konsisten dan sentiasa terkini. Maklumat ini boleh dikongsi serta digunakan secara bersepadu oleh pelbagai aplikasi dan sistem dalam ekosistem digital Kerajaan Negeri Sabah.

Bagi membolehkan pengguna mengakses perkhidmatan yang memanfaatkan data tersebut secara mudah dan selamat, Kerajaan Negeri Sabah menyediakan **RED-OS** sebagai gerbang utama kepada ekosistem R.E.D.

Apakah RED-OS?

RED-OS merupakan aplikasi rasmi yang berorientasikan pelanggan dan berfungsi sebagai pintu masuk (*gateway*) kepada perkhidmatan digital dalam ekosistem R.E.D., khususnya bagi urusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri Sabah.

Melalui RED-OS, pengguna hanya perlu menggunakan satu identiti digital untuk mengakses pelbagai produk dan perkhidmatan yang disediakan, mengikut kategori pengguna masing-masing. Pendekatan ini memudahkan proses capaian, meningkatkan keselamatan identiti pengguna serta memberikan pengalaman digital yang lebih lancar dan bersepadu.

Definisi

RED:APN merujuk kepada **Ahli Pentadbiran Negeri** yang berdaftar di dalam Sistem Pengurusan Anggota Pentadbiran Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah (*i-Sabah Administrative & Assemblyman Integrated System*)

RED:GOV merujuk kepada **Kakitangan Awam Kerajaan Negeri Sabah** yang memenuhi kriteria berikut:

- Berstatus aktif dalam perkhidmatan (masih berkhidmat);
- Mempunyai emel rasmi @sabah.gov.my; dan
- Menerima pembayaran gaji melalui sistem penggajian Kerajaan Negeri Sabah


2. Akses ke RED-OS

Langkah 1

Layari Portal RED-OS

Buka pelayar web (*desktop* atau *mobile*) dan layari laman berikut:


<https://red-os.sabah.gov.my>




3. Log Masuk Sistem

Langkah 2

Pilih / Klik pada pautan SSO¹



Pengesahan identiti akan menggunakan maklumat akaun emel rasmi Kerajaan Negeri Sabah. (@*sabah.gov.my*)



 LUPA KATA LALUAN?


Sila layari <https://reset.sabah.gov.my> untuk tindakan selanjutnya

¹ Single-Sign On

Langkah 3

Setelah log masuk berjaya:


- Bagi kategori **RED:APN**, **profil RED** akan diaktifkan secara terus berdasarkan maklumat di dalam *Sistem i-SAIS*². Pengguna akan terus dibawa ke Laman Utama dan sedia untuk menggunakan RED-OS.
- Bagi kategori **RED:GOV**, pengguna pertama kali yang belum pernah mengaktifkan **profil RED**, anda akan melalui peringkat **RED Profiler**, di mana anda dikehendaki untuk mengisi maklumat yang berkaitan dengan perjawatan dan perbankan, untuk tujuan validasi dan pengesahan rekod secara *one-off* sahaja. Apabila selesai, profil anda akan diaktifkan, dan aplikasi RED-OS sedia untuk digunakan.



² I - Sabah Sabah Administrative & Assemblyman Integrated System

Langkah 4

Setelah Profil RED diaktifkan, pengguna akan dibawa ke halaman utama RED-OS.




Laman Utama RED-OS

4. Halaman Utama RED-OS


Halaman utama RED-OS memaparkan status dan maklumat menyeluruh mengenai pembayaran yang telah diterima oleh pelanggan, termasuk bayaran saraan serta tuntutan lain.

Kalendar rasmi juga dipaparkan sebagai rujukan pengguna untuk peristiwa akan datang.



5. Modul RED-OS

Modul tersedia boleh dicapai melalui pautan **RED-OS** yang terletak di atas-kiri skrin. Senarai modul yang dipaparkan adalah khusus untuk kumpulan pengguna **RED:APN** dan **RED:GOV** sahaja.



Penerangan Modul

RED-OS menyediakan pelbagai modul kewangan dan perakaunan, khusus untuk **RED:APN** dan **RED:GOV**. Modul ini disediakan untuk menyampaikan maklumat terus kepada pelanggan perkhidmatan, sekaligus meningkatkan kualiti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri Sabah

MODUL TERSEDIA	
	Semakan Bayaran Memaparkan status dan senarai baucar pembayaran yang diterima, termasuk baucar saraan dan baucar tuntutan.
	Pengesahan Nama & Akaun Bank (JBN.55) Kemudahan untuk menjana Borang JBN.55 secara automatik, yang boleh digunakan sebagai lampiran atau dokumen sokongan bagi sebarang tuntutan rasmi.
	Slip Gaji (JBN.15) Menyediakan akses kepada slip gaji bulanan secara digital untuk semakan, muat turun dan rujukan pada bila-bila masa. Penyata ini dikemas kini setiap bulan.
	Penyata Cukai Pendapatan (C.P.8c) Menyediakan penyata saraan tahunan bagi tujuan pelaporan dan pengisytiharan cukai pendapatan. Dokumen ini dikemaskini setiap tahun.


Modul Akan Datang

AKAN DATANG	
	Tuntutan Perjalanan Rasmi (JBN.01) Menyediakan kemudahan untuk mengurus dan membuat semakan berkaitan tuntutan perjalanan rasmi (T&T)
	Pinjaman Kenderaan Menyediakan kemudahan untuk membuat semakan dan mengurus maklumat berkaitan pinjaman kenderaan bagi kakitangan awam.
	Pinjaman Mikro-Komputer Membolehkan pengguna mengakses maklumat berkaitan pinjaman mikro-komputer dan telefon pintar yang disediakan kepada kakitangan.
	Perkhidmatan lain.. <i>Modul dan perkhidmatan baharu akan terus diperkenalkan dari masa ke semasa.</i> <i>Sebarang cadangan boleh disampaikan kepada pihak ACC melalui email hello.acc@sabah.gov.my</i>

6. Appendix

PENUKARAN KATA LALUAN SABAHGOV

Sila layari pautan <https://reset.sabah.gov.my> dan ikuti arahan seterusnya.



The screenshot shows the 'Reset Password' page of the SabahGov system. The header includes the Sabah state emblem, the text 'Government Account Tracking System (GATS)', and the 'SABAH NET' logo. The main content area is titled 'Reset Password' and contains the following elements:

- A message: 'Please enter your User ID and a verification code will be sent to your User ID registered mobile number.'
- A 'Select Contact Method' section with two radio buttons: 'WhatsApp' (unselected) and 'SMS' (selected).
- A 'User ID' input field with a placeholder text: 'Enter your SabahGov username. (Write without the @sabah.gov.my)'.
- A captcha image showing the code '0TF0TK'.
- A message below the captcha: 'Please input the code displayed in the image'.
- A 'Reload Captcha' button.
- A large blue 'Submit' button.

The footer of the page contains the text: 'Copyright © Digital Heritage Sdn. Bhd.'

7. Penutup

Manual ini disediakan sebagai pengenalan kepada aplikasi **RED-OS** dan panduan asas penggunaan kepada kumpulan pengguna **RED:APN** dan **RED:GOV**.

Penambahbaikan sistem dilakukan dari masa ke semasa, sila maklum bahawa paparan atau fungsi sistem mungkin akan berubah, namun tidak akan menjejaskan penggunaan keseluruhan sistem.

Jika mempunyai sebarang pertanyaan atau berlaku masalah teknikal, sila hubungi pihak **ACC** dengan segera di talian **088-368811** (waktu pejabat).

Sebarang maklumbalas atau cadangan penambahbaikan, boleh disampaikan kepada pihak ACC melalui emel hello.acc@sabah.gov.my

Terima kasih.

Supported by



ACC

ACCOUNTING CONTROL CENTRE
PUSAT KAWALAN PERAKAUNAN, JBNS

Jabatan Bendahari Negeri,
11th Floor, Block A, Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, 88400, Kota Kinabalu, Sabah

Telefon: 088-368811 (8am - 5pm)
Emel: hello.acc@sabah.gov.my